

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO' SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

9. Bayan Baru adalah lubuk pekerjaan sektor perindustrian khususnya di kawasan FTZ. Apakah inisiatif Kerajaan Negeri mengesyorkan sektor ini memberi ruang pekerjaan terhadap golongan OKU dan ibu tunggal?
 - a) Sila huraikan data bilangan pekerja golongan OKU dan ibu tunggal mengikut gender di sektor perindustrian khususnya di kawasan FTZ.

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY
MENJAWAB BAGI PIHKAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan perkembangan pelaburan baharu dan pelaburan semula di Pulau Pinang yang seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan.

Berdasarkan data daripada *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh pelaburan industri pembuatan di Pulau Pinang pada tahun 2016 adalah sebanyak 10,816 manakala pada tahun 2017, bilangan pekerjaan yang diwujudkan oleh pelaburan industri pembuatan ialah sebanyak 13,553 di mana 6,270 daripadanya adalah untuk kawasan perindustrian bebas (FTZ) Bayan Lepas.

Kerajaan Negeri melalui Pusat CAT (*Penang Career Assistance and Talent Centre*) juga menjalankan pemadanan jawatan kepada semua golongan pencari kerja dengan yang ditawarkan oleh industri termasuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan ibu tunggal. Sejak penubuhan Pusat CAT pada Mac 2009 sehingga Jun 2018, seramai 10,205 orang telah berdaftar sebagai pemohon pekerjaan di mana sebanyak 6,430 pemadanan jawatan telah dijalankan.

Kerajaan Negeri juga baru-baru ini telah menganjurkan Ekspo Kerjaya OKU sempena *Penang Career & Postgraduate Expo & Conference 2018* yang berlangsung dari 30 Jun hingga 1 Julai 2018 di SP Arena, Seberang Jaya di mana ia telah menarik ramai pencari kerja dari kalangan OKU.

Dalam membantu golongan ibu tunggal pula, Kerajaan Negeri melalui *Penang Women's Development Corporation* (PWDC) telah memperkenalkan Projek Transformasi Ekonomi Komuniti (CET) di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita (WEE). Ia merupakan sebuah projek yang direka khusus untuk membantu menjana pendapatan bagi penduduk, termasuk ibu tunggal. Sebagai projek perintis, PWDC telah mengadakan dialog untuk memperkenalkan program ini kepada penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan pada bulan Februari 2018 dan seterusnya mengedarkan soal selidik untuk mendapat maklumat terperinci yang mana akan membantu PWDC membuat analisis keperluan penduduk PPR Desa Wawasan. Hasil analisis soal selidik menunjukkan 37.4% responden memilih kraftangan sebagai aktiviti CET. Satu siri bengkel membuat kraf kertas dan kraf plastik telah dikendalikan untuk penduduk yang berminat. Kini, hasil kraftangan telah mula mendapat tempahan dan ada penduduk yang sudah mula menjana pendapatan.

- (a) Kerajaan Negeri tidak mempunyai data bilangan pekerja OKU dan ibu tunggal mengikut gender di sektor perindustrian khususnya di kawasan FTZ.